


Hormati dan jaga imej universiti

UB 5.4.2013 B4

LABUAN: Penahanan lima pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Labuan pada 23 Mac lalu sememangnya wajar dan tidak perlu dipertikaikan kerana telah melakukan kesalahan mengikut undang-undang sedia ada.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMSKAL, Mohd Najib Rubin (gambar) berkata kaedah dan pendekatan yang ditunjukkan oleh pelajar terbabit adalah satu langkah yang tidak matang dan efektif.

Beliau berkata, sebaliknya MPP melihat bahawa kaedah ini tidak relevan dan tidak



menunjukkan mentaliti sebagai seorang mahasiswa yang terpelajar.

Katanya, MPP sebagai

badan berdaftar menolak sepenuhnya pendekatan demonstrasi, membawa kain rentang dan menyebarkan risalah tanpa ada sebarang permit dan kebenaran dari pihak berkuasa.

"Apa yang dilakukan oleh lima pelajar ini tidak patut dijadikan modal dalam kepimpinan mahasiswa," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata pendekatan pelajar terbabit tidak menggambarkan aspirasi MPP pada hari ini di mana beliau menyarankan agar mahasiswa menumpukan kepada pengajian.

"Kita sememangnya menyokong penuh kenyataan ini dan menolak aktivis-aktivis yang didasari politik luar dan kita sebenarnya lebih memfokuskan kepada kebajikan mahasiswa itu sendiri," katanya.

Mohd Najib berkata, MPP UMSKAL tidak mengetahui dan mengiktiraf Gerakan Mahasiswa PRU13 yang diumpamakan sebagai 'masuk bakul angkat sendiri'.

Katanya, mereka mengiktiraf diri mereka sebagai wakil mahasiswa untuk bersuara mengenai kebebasan akademik sepertimana dalam kenyataan akbar yang bertulis "kebebasan akademik

teras untuk memajukan universiti".

"GM PRU13 tidak pernah wujud di UMSKAL dan tidak berdaftar sepanjang kami menjalankan pengajian di sini. Tidak ada profesionalisme dalam penubuhan GM PRU13 yang mana dengan sesuka hati mengiktiraf diri mereka dan melancarkan kempen politik.

"GM PRU13 juga membuat tuduhan yang mengatakan bahawa ada sesetengah pihak universiti yang membenarkan dewan-dewan kuliah digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memburuk-burukkan pembangkang dan aktivis

mahasiswa, sebenarnya tidak pernah berlaku di UMSKAL.

"Malahan pensyarah dan kakitangan UMSKAL semuanya fokus kepada tugas yang telah diberikan mengikut bidang tugas masing-masing.

"Ini sebenarnya menunjukkan tahap kematangan seseorang apabila berbicara tanpa ada bukti yang hanya didasari oleh persepsi semata-mata," katanya.

Mohd Najib berkata, pengarah serta pengurusan universiti bersama MPP UMSKAL sentiasa peka kepada masalah mahasiswa di UMSKAL.

Katanya, MPP tidak menolak bahawa mahasiswa boleh terlibat dalam politik namun dalam penglibatan itu perlu didasari dengan kematangan.

Mahasiswa perlu bijak untuk menentukan apakah perlu meletakkan aktiviti yang menjadi keutamaan dan aktiviti sampingan sebagai seorang mahasiswa.

Mahasiswa perlu memfokuskan dan mengutamakan akademik di dalam kampus di samping menjalankan aktiviti keilmuan dan praktikal yang membangunkan sahsiah dan rohani mahasiswa itu sendiri.